

METODOLOGI ILMU KALAM

oleh

Ibrahim Abu Bakar

Synopsis

This brief and short writing named as “The Methodology of the Kalam,” is an effort to explain a problem of the existence and originality of the methodology of the Kalam. Firstly, I quoted some opinions and findings from the orientalists explaining the negative stands and facts on this problem. They showed that Mutakallims were influenced by many external elements such as Christianity, Judaism and Greek philosophy. Secondly, I collected another opinions and explanation from another orientalists and from Muslim scholars in the Kalam to argue the first trend. According to my brief study on this problem, I would like to support the trend that the early Mutakallims were not influenced by external influences especially in their methodology.

Pendahuluan

Tulisan ini bertujuan membuat suatu penelitian ringkas terhadap persoalan kewujudan dan keaslian metodologi Ilmu Kalam di kalangan *Mutakallimin*. Apakah dapat diterima sebagai satu kenyataan ilmiah bahawa Ilmu Kalam yang terdapat di kalangan *Mutakallimin* menggunakan metode atau kaedah logik Falsafah Greek-Yunani? *Mutakallimin* hanya mencedok dan meniru bulat-bulat logik Aristotle (384-322 S.M.) dan Plato (428/427-348/347 S.M.) yang menjadi pelopor dan pengasas apa yang dinamakan Logik Purba (Ancient Logic). Mengikut Czeslaw Lejewski, Logik Purba bermula dengan Aristotle yang telah mendapat pengaruh daripada ahli-ahli matematik, retorik, dan falsafah Greek yang terdahulu.¹

Ilmu Kalam sebagai suatu disiplin ilmu yang lahir dari *Mutakallimin* tidak dapat lari dari menggunakan metode logik di dalam menegakkan Kepercayaan atau Akidah Islam di kalangan peragu-peragu dan penentang-

¹ *The Encyclopedia of Philosophy*, ed., 1967, s.v. “Ancient Logic” by Czeslaw Lejewski.

penentang serta penyeleweng-penyeleweng. Golongan yang dihadapi oleh *Mutakallimīn* terdiri daripada Ahli Bidaah, Kristian dan Yahudi pada peringkat awalnya dan kemudian lebih banyak lagi golongan yang terpaksa dan mesti dihadapi oleh *Mutakallimīn* di dalam proses perkembangan penyebaran Islam dan tamadun Islam di daerah-daerah geografi pada masa pemerintahan Kerajaan *Bani ‘Abbāsiyyah*.

Sumbangan dan jasa *Mutakallimīn* tidak dapat diperkecilkkan di dalam menegak dan mempertahankan kesucian dan kemurnian Akidah Islam daripada serangan intelektual, rasional dan *nassiyah* golongan-golongan yang disebut itu. Apakah *Mutakallimīn* di dalam usaha murni dan bakti mulia ini hanya menggunakan semata-mata metode yang dihasilkan oleh orang lain? Apakah *Mutakallimīn* tidak dapat menghasilkan dan menelorkan metode tersendiri yang tidak mencedok dan meniru metode yang digunakan oleh orang lain? Apakah *Mutakallimīn* di dalam hal ini tidak mempunyai kebolehan, kemampuan dan daya kreativiti untuk mereka-cipta metode tersendiri? Fokus tulisan ini adalah terhadap kewujudan dan keaslian metodologi Ilmu Kalam yang digunakan oleh *Mutakallimīn*.

Pandangan Orientalis

Di dalam melihat persoalan kewujudan dan keaslian metodologi Ilmu Kalam tentu bertemu dengan kajian-kajian Orientalis yang memandang kelemahan dan kehinaan orang Islam di dalam semua disiplin ilmu pengetahuan. Ilmu Kalam tidak terlepas daripada pandangan ini. Sebagai ilmu yang menggunakan logik ia dianggap saduran dari Barat. Semua ilmu dan falsafah yang wujud di kalangan orang Arab pada abad pertengahan keseluruhannya dari Barat tiada sangkut paut dengan falsafah dari Timur. Barat dimaksudkan tradisi klasik Greek yang dipindahkan pada masa akhir Greek-Aristotelianisme. Pandangan bahawa orang Islam penerima warisan Greek, tidak lebih dari itu didapati daripada keterangan Nicholas Rescher, “Arabic logic, like the rest of medieval Arabic science and philosophy, is entirely Western and has nothing to do with Oriental philosophy. It developed wholly in the wake of the classical Greek tradition as preserved and transmitted through late Greek Aristotelianism.”²

Kelahiran ilmu-ilmu yang menggunakan logik di kalangan orang Arab-Islam dikira bermula pada abad ke-8M dan pada masa yang sama kelahiran Ilmu Kalam.³ Mengikut kajian Dr. ‘Arfān ‘Abd al-Hamid

²Ibid., s.v. “Arabic Logic,” by Nicholas Rescher.

³Ibid., Di mana bagi N. Rescher Logik—Arab bermula pada akhir abad kelapan dan berakhir pada abad keenam belas Masihi.

bahawa kelahiran rasionalisme akal terhadap Akidah Islam bermula di tangan Jamiyyah. Qadariyyah dan Mu'tazilah iaitu pada abad Hijrah akhir pertama dan awal kedua.⁴ Soal tarikh kelahiran Ilmu Kalam tiada perbezaan iaitu akhir pertama dan awal kedua abad Hijrah lebih kurang sama dengan akhir ketujuh dan awal kelapan abad Masihi berdasarkan catatan tahun Hijrah dan Masihi kelahiran dan kewafatan tokoh pengasas Muktazilah iaitu Wāsil bin 'Atā' 83-131H. atau 699/700-748/749M.⁵

Mengikut kajian N. Rescher terhadap logik di kalangan orang-orang Arab-Islam itulah kenyataan yang dapat dipaparkan. Ilmu Mantiq yang boleh diterjemahkan Ilmu Logik itu adalah dari Greek. *Mutakallimin* menggunakan metode logik Greek. Kalau dilihat pula keterangan daripada pengkaji-pengkaji lain dari kalangan Orientalis tersingkap pula bahawa kelahiran Ilmu Kalam itu sendiri pun disebabkan faktor luaran yang dihadapi oleh umat Islam bukan lahir secara asli dari faktor dalaman umat Islam. Pandangan begini adalah pandangan majoriti Orientalis, di antaranya Alfred Von Kremer, R.A. Nicholson, D.B. Macdonald, J.W. Sweetman dan Mark Horner yang menyatakan pengaruh Gereja Kristian.⁶

Aliran Orientalis ini dibuktikan lagi oleh para pengkaji lain yang melihat apa yang ada pada Ilmu Kalam adalah sama dengan apa yang ada pada masyarakat Kristian. Ilmu Kalam daripada *Mutakallimin* itu sama sahaja dengan beberapa cabang ilmu falsafah yang dippunyai dan dimiliki oleh masyarakat Kristian iaitu Teologi Spekulatif, Teologi Dialektif dan Teologi Skolastik.

Keterangan Ilmu Kalam sama dengan Teologi Spekulatif didapati daripada kajian C.F. Copleston yang menyatakan bahawa pada abad ke-8 Masihi, umat Islam membuat refleksi terhadap al-Quran menyebabkan lahir Teologi Spekulatif yang mereka namakan Ilmu Kalam.⁷

Keterangan Ilmu Kalam sama dengan Teologi Dialektif datang daripada De Boer yang menyatakan bahawa nama yang paling sesuai untuk Ilmu Kalam ialah Teologi Dialektif.⁸

⁴Arfān 'Abd al-Hamīd, *Dirāsāt fī al-Firaq wa al-'Aqā'id al-Islāmiyyah* (Baghdād: Mat.: al-Irshād, 1967), h. 131.

⁵Lihat catata bawah no. 3 di dalam *The Spirit of Islam* karya Ameer Ali, (London: Chatto & Windus, 1974), h. 414.

⁶Arfān, *Dirāsāt*, h. 131.

⁷C.F. Copleston, *The History of Philosophy in Islam* (New York: Harper Torchbooks, 1974), h. 106.

⁸T.J. De Boer, *The History of Philosophy in Islam* trans. Edward R. Jones (New York: Dover Publication, 1967), h. 43.

Ilmu Kalam sama dengan Teologi Skolastik terdapat di dalam Ensaiklopedia dan Kamus yang menghuraikan kata “Kalam.”⁹

Penamaan-penamaan daripada pengkaji-pengkaji Orientalis di atas dapat dikatakan bertujuan mahu menyamakan Ilmu Kalam dari *Mutakallimīn* sama sahaja dengan Teologi Spekulatif, Dialektif dan Skolastik dari masyarakat Kristian dan Yahudi. Dilihat dari sudut metodologi dan problem-problem yang didapati di dalam Ilmu Kalam sama sahaja dengan metodologi dan problem-problem di dalam tiga teologi di atas. Dapat dikatakan bahawa Spekulatif, Dialektik dan Skolastik merupakan metode-metode yang digunakan oleh masyarakat skolar Kristian dan Yahudi di dalam menganalisa problem-problem keagamaan dan aspek kepercayaan mereka. Di mana ketiga-tiga metode itu berasal dari Greek-Yunani.

Dialektik dikatakan bermula pada zaman *Zeno of Elea* iaitu abad ke-5S.M(B.C) dan Aristotle menyatakan bahawa Zeno adalah pereka Dialektik yang kemudiannya digunakan secara meluas oleh Sphis. Di mana di antara definisi Dialektik ialah: (1) Suatu metode refutasi atau penolakan hujah lawan melalui pemeriksaan secara logik dari umum itu; (2) Suatu metode pembahagian atau divisi analisa logik dari umum kepada khusus; (3) Suatu pentaakulan logik atau perdebatan logik yang menggunakan premis-premis yang dapat diterima pada dasarnya atau yang mungkin boleh diterima.¹⁰

Mengikut satu keterangan, Skolastik boleh membawa pengertian atau metode pemikiran atau satu sistem pemikiran. Di mana pengertian yang luas, Skolastik meliputi semua aktiviti intelektual, artistik falsafah, dan teologi yang berlangsung atau berlaku di dalam Sekolah *Medieval*. Sifat-sifat khusus Skolastik di antaranya; (1) Suatu falsafah Kristian hasil daripada gabungan pemikiran sosial yang menggunakan logik, agama Kristian dan tradisi-tradisi yang terdapat di dalam sistem-sistem pemikiran Plato dan Aristotle; (2) Suatu bentuk logik deduktif di mana secara literalnya bererti satu bentuk sailogistik yang mempertahankan doktrindoktrin Kristian daripada serangan-serangan hujah lawan atau musuh; (3) Pemikiran falsafah-agama yang dimulai oleh St. Augustine (m.403M), Boethius (m.525), St. Anselm (m. 1109M), Alexander Neckman (m.1217M), Michael Scot (m.1234M) dan Robert Grosseteste (m.1253M).¹¹

⁹Shor. *or Encyclopedia of Islam*, ed. 1961, s.v. “Kalam.” dan *Dictionary of Islam*, ed. 1964, s.v. “Kalam.”

¹⁰The *Encyclopedia of Philosophy*, rev. 1972, s.v. “Dialectic,” by Roland Hall.

¹¹*Dictionary of Philosophy*, ed. 1970, s.v. “Scholasticism,” by Hunter Guthrie.

Menyentuh mengenai Spekulatif terdapat keterangan daripada Patrick Gardiner melalui artikelnya berjudul: “Speculative systems of History” di antara lain menyebut bahawa metode atau sistem Spekulatif mengikut Hegel yang menganuti pemikiran Spekulatif atau ahli falsafah Spekulatif adalah suatu sistem yang tidak membuat rujukan terhadap sebarang tujuan atau prinsip *transcendent*. Di mana teori-teori dalam sistem ini dari hipotesis-hipotesis yang berdasarkan kepada fakta-fakta empirikal yang dihasilkan melalui aplikasi yang rigoros metode-metode induktif.¹²

Walaupun Hegel mempunyai pandangan sedemikian tetapi nampaknya pada waktu awal pertumbuhan Spekulatif ada hubungan dengan keagamaan Yahudi. Ini didapati daripada petikan berikut: “Then, in contrast to those Jewish speculative theologians in the East, ...”¹³

Daripada keterangan-keterangan ringkas di atas dapat disimpulkan bahawa metode Dialektik dan Skolastik popular di kalangan orang-orang Kristian dan metode Spekulatif popular di kalangan orang-orang Yahudi. Jadi, dapatlah kita katakan bahawa *Mutakallimin* hanya peniru-peniru ketiga-tiga metode itu daripada skolar-skolar Kristian dan Yahudi. Mengikut H.A. Wolfson bahawa semua ahli sejarah moden falsafah Arab; selain Schmolders 1842 dan Mabilleau 1895; bersama ahli sejarah moden Islam secara umum bersetuju bahawa Kristian mempengaruhi Ilmu Kalam dari sudut problem-problem atau judul-judul kajian. Di mana orientalis de Boer pada tahun 1901 menyatakan judul “Kebebasan Iradat” telah diterima umum oleh Kristian dan pada tahun 1917 menambah judul “Kekekalan Quran” dan “Sifat-Sifat Ketuhanan” Kristian mempengaruhi Ilmu Kalam. Kremer pada tahun 1873 menyatakan John of Demascus (*Yuḥanā al-Dimishqīyy*) mendebatkan kebebasan *irādah* sedangkan Muslim mengekalkan predestinasi. Pandangan yang sama datang dari Becker 1912, Guillaume 1924, Sweetman 1945, Gardet dan Anawati 1948.¹⁴

Menyentuh mengenai pengaruh Yahudi terhadap Ilmu Kalam. terdapat keterangan daripada Schreiner bahawa idea Yahudi yang menafikan antropomorfisme daripada Labid b. al-A'sam Yahudiyy mempengaruhi kalangan anti-antropormorpis Muslim. Pandangan ini dipersetujui pula oleh Neumark. Demikian juga problem kekadiman atau kekekalan al-Quran dari Yahudi kerana ada kalangan Yahudi yang mempercayai

¹²The Encyclopedia of Philosophy, ed. 1967, s.v. “Speculative Systems of History,” by Patrick Gardiner.

¹³Harry Austryn Wolfson, *The Philosophy of the Kalam*, (Cambridge: Harvard University Press, 1976), h. 83.

¹⁴Ibid., h. 59—61.

kekekalan Torah. Schreiner berusaha membuktikan bahawa kenyataan Wāṣil bin ‘Atā mengenai kebebasan *irādah* satu terjemahan sepatah demi sepatah kenyataan Rabbinik. Neumark yang sepandapat dengan Goldziher menyatakan idea kebebasan *irādah* diperkenalkan kepada Muslim melalui pengaruh Yahudi.¹⁵

Menyentuh mengenai pengaruh falsafah Greek terdapat dua orang pengkaji yang utama menegaskan bahawa sememangnya Ilmu Kalam dipengaruhi oleh falsafah itu. Horovitz dalam beberapa kajiannya menjelaskan bahawa ada *Mutakallimīn* tertentu yang mengadopsikan pandangan-pandangan tertentu dari falsafah Greek contohnya Nazzām memungut beberapa pandangan Stoic, Mu’ammār dan Abū Ḥāshim memungut beberapa pandangan Plato, konsep *tawallud* dan skeptisme menyelinak ke dalam Ilmu Kalam. Horten di dalam analisisnya membuat indek rujukan Ilmu Kalam kepada ahli-ahli falsafah Greek seperti Aristotle, Atomis, Idea, Logos, Neoplatonis, Plato, Plotinus, Socrates, Sophis dan Stoic.¹⁶

Perbincangan dan huraian yang dipaparkan di bawah judul-kecil “Pandangan Orientalis” bertujuan melihat secara ringkas kajian-kajian mereka dan natijah-natijahnya terhadap tiga perkara iaitu punca kelahiran Ilmu Kalam, judul-judul perbincangan Ilmu Kalam dan metodologinya. Ketiga-tiga perkara ini saling berhubungan dan mempunyai kepentigan di dalam usaha menjawab persoalan kewujudan dan keaslian metodologi Ilmu Kalam. Kalau diperhatikan pandangan-pandangan orientalis di atas terdapat keterangan-keterangan yang ketiga-tiga perkara itu tidak wujud secara asli dari *Mutakallimīn*. Mereka menyatakan Kristian mempengaruhi kelahiran Ilmu Kalam melalui ajaran-ajaran daripada pengasas-pengasas gereja Kristian (Church Fathers atau Aba’al-Kanisah). Judul-judul Ilmu Kalam dikatakan dipengaruhi oleh Kristian dan Yahudi. Metodologi Ilmu Kalam dikatakan menerima pengaruh Greek, Kristian dan Yahudi melalui metode falsafah Spekulatif, Dialektik dan Skolastik yang digunakan oleh ahli-ahli teologi Yahudi dan Kristian.

Apakah kajian-kajian dan hasil-hasil kajian orientalis di atas tidak dapat apa-apa objeksi dan bangkangan kerana itu kita dapat terima sahaja bahawa dari tiga sudut di atas — faktor kelahiran, judul dan metodologi Ilmu Kalam — tidak ada keaslian dan tidak hasil asli kreativiti *Mutakallimīn*. Untuk memberi jawapan kepada persoalan itu dan seterusnya membuktikan dan menjelaskan kewujudan dan keaslian metodologi Ilmu Kalam perlu pula meneliti bangkangan-bangkangan,

¹⁵Ibid., h. 69—70.

¹⁶Ibid., h. 65—66.

objeksi-objeksi dan pandangan-pandangan yang berlawanan dan bertentangan dengan kumpulan orientalis lain dan ulama Islam yang terlibat dengan Ilmu Kalam dapat diuraikan di bawah judul-kecil “Penolakan dan Pengisbatan” yang bertujuan menolak pandangan negatif terhadap Ilmu Kalam dari tiga sudut di atas dan mengisbatkan pandangan positif terhadapnya.

Penolakan dan Pengisbatan

Kalau terdapat pandangan-pandangan yang berlawanan dengan pandangan kumpulan orientalis sebelum ini, kalau tidak dapat membuat refutasi atau penolakan secara total, dapat juga menimbulkan keraguan-keraguan daripada pengkaji-pengkaji lain terhadap aspek yang sama dikaji di atas. Dengan keraguan itu mengurangkan keteguhan bukti dan hujah kumpulan orientalis di atas kerana ada pengkaji-pengkaji yang dapat membuktikan sebalik daripada bukti dan hujah kumpulan orientalis di atas. Dapat ditegaskan di sini bahawa pandangan negatif daripada kumpulan orientalis di atas merupakan pandangan majoriti orientalis. Kalau ada orientalis lain yang mempunyai pandangan yang lain ianya bertaraf minoriti.

Sudut punca kelahiran Ilmu Kalam bukan daripada punca luaran. Ianya berpunca daripada pergolakan dalaman umat Islam di bawah pemerintahan *Khulafā' Rāshidīn* terutama sekali di bawah pemerintahan Ali bin Abi Talib di mana beberapa problem dan persoalan mengenai aspek Akidah Islam diberi perhatian oleh kumpulan Khawarij, Syiah dan pendokong Muawiyah bin Abi Sufyan. Di samping persoalan jabariyyah yang telah mula dikemukakan oleh seorang Islam kepada Khalifah Umar, dan persoalan pengertian Iman dan Islam yang dihadapi oleh Khalifah Abu Bakar lahir daripada kumpulan *Riddah*.

Dr. Sanusi Daing Marioik di dalam kajianya terhadap beberapa dokumen yang berotoriti menjelaskan bahawa semasa pemerintahan *Khulafā' Rāshidīn* dimulai daripada Abu Bakar, Umar, Uthman dan Ali (r.a.) telah timbul gejala-gejala mempersoalkan pengertian dan maksud beberapa doktrin Akidah Islam yang sebelum ini tidak dihiraukan seperti pengertian Iman dan Islam, Ayat al-Quran *Mutashābihah*, Qada-Qadar Allah, Zat dan Sifat Allah, hakikat al-Quran dan Arasy.¹⁷ Keterangan ini menunjukkan kelahiran Ilmu Kalam berpunca dan disebabkan pergolakan dalam umat Islam dewasa itu sendiri bukan pertembungan mereka dengan Yahudi atau Kristian.

¹⁷ Sanusi Daing Marioik, *Ilmu Kalam: Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan* (s.1.: Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah, 1981), h. 29—40.

Sebuah karya yang khusus membicarakan faktor-faktor pertumbuhan dan perkembangan Ilmu Kalam menyebutkan terdapat empat faktor pokok iaitu: (1) Faktor-faktor keislaman; (2) Faktor-faktor pertumbuhan tamadun Islam; (3) Faktor-faktor akidah yang bertentangan; dan (4) Faktor-faktor kemanusiaan. Di mana di bawah setiap satu faktor pokok itu dihuraikan fasal-fasalnya.¹⁸ Di bawah faktor keislaman dihuraikan lima fasal iaitu kajian terhadap al-Quran, Kenabian, Sunnah, Iman dan Kufur dan hukum berkecimpung dengan Ilmu Kalam.¹⁹

Seorang pengkaji lain juga menegaskan bahawa pertumbuhan dan kelahiran Ilmu Kalam bukan boleh dikatakan berpunca atau disebabkan oleh satu sebab sahaja. Bagi beliau sebab-sebab itu dapat diringkaskan kepada empat iaitu: (1) Perselisihan sekitar takwilan beberapa nas agama Islam (al-Quran dan Sunnah); (2) Perselisihan Politik; (3) Pertembungan Islam dengan agama-agama dan tamadun-tamadun lain; dan (4) Gerakan terjemahan.²⁰ Di mana sebelum menghuraikan lebih lanjut faktor-faktor itu beliau telah tegaskan: “Ilmu Kalam tidak lahir di dalam Islam hanya sebagai natijah dari satu sebab atau faktor sahaja. Sesungguhnya ia lahir dari beberapa faktor dan sebab yang menentukan wujudnya seperti mana yang kita dapati di dalam sejarah pemikiran Islam. Di mana terdapat faktor-faktor dalam umat Islam sendiri.... dan faktor-faktor luaran yang menolong atau membantu pemarakan Ilmu Kalam....”²¹ Dua faktor pertama dikatakan faktor dalaman dan dua faktor terkemudian dikatakan faktor luaran yang mempengaruhi pertumbuhan dan kelahiran serta perkembangan Ilmu Kalam.

Muhammad Abū Zahrah juga menyenaraikan lebih daripada satu faktor yang menjadi punca kelahiran puak-puak *Mutakallimīn* dan parti-parti politik di dalam Islam iaitu taksub Arabiah, perselisihan mengenai Khalifah, kejiranan Muslim dengan bukan Muslim, terjemahan falsafah, pengkajian masalah-masalah rumit, ceritera, *Mutashabih* dalam al-Quran, dan *Istinbat* hukum-hukum Syariah.²²

¹⁸Yahyā Ḥashim Hasan Farghal, ‘Awāmil wa Ahdāf Nash’at ‘Ilm al-Kalām fi an-Islām’, Jawāníb al-Tafsīr fī al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah al-Kitāb al-Thāni (al-Azhar: Majma‘ al-Buhūth al-Islāmiyyah, 1976), h. 17—285.

¹⁹Ibid., h. 17—86.

²⁰Abū al-Wafa’ al-Ghanīmī al-Taftazānī, ‘Ilm al-Kalām wa Ba’d Mushkilātih (al-Qāhirah: Maktabah al-Qāhirah al-Hadithah, 1966), h. 7—28.

²¹Ibid., h. 6—7.

²²Muhammad Abū Zahrah, Tarīkh al-Madhbāh al-Islāmiyyah, 2 juz ([Miṣr]: Dār al-Fikr al-‘Arabi, n.d.), 1: 11—16.

Imam al-Ghazzali di dalam menerangkan fungsi paling utama *Mutakallimīn* awalan ialah mempertahankan kesucian dan kemurnian Akidah Islam daripada serangan keraguan *āqli bidaah*.²³ Manakala al-Taftazani menjelaskan bahawa faktor-faktor seperti berlakunya fitnah dan kezaliman terhadap orang-orang Islam, kelahiran perselisihan sikap dan pegangan dan kecenderongan kepada bidaah membuatkan umat Islam selepas Rasulullah (s.a.w.), Sahabat dan Tabiin terdekat, berkecimpung di dalam kegiatan intelektual, pengistinbatan, penyediaan kaedah-kaedah, prinsip-prinsip, bab-bab, fasal-fasal terhadap Ilmu Amaliah Cabangan (Fekah) dan Ilmu Iktikadiyah Usuliah (Ilmu Tauhid dan Sifat) dan melahirkan kemudiannya Ilmu Kalam.²⁴

Tidak ada sebab untuk menyatakan kelahiran Ilmu Kalam hasil daripada pengaruh-pengaruh agama Kristian, Yahudi dan falsafah Greek. Apa yang jelas daripada petikan-petikan di atas Ilmu Kalam diperanakkan dan dilahirkan serta dibesarkan oleh faktor dalaman yang ada pada umat Islam sewaktu Tabiin hasil lanjutan daripada Sahabat dan Tabiin sebelumnya. Ketiga-tiga faktor luaran di atas tidak bertemu dengan *Mutakallimīn* peringkat penetasan dan kelahiran dan perkembangan awalan. Faktor tumpuan masa kepada mengkaji al-Quran, Sunnah, politik, sosial umat Islam menatijahkan Ilmu Kalam sebagai satu disiplin tersendiri bersama ilmu-ilmu Islam yang lain.

Faktor luaran seperti agama Kristian, agama Yahudi dan falsafah Greek hanya bertaraf tepian dan pinggiran di manq tanpa pengaruh-pengaruh itupun Ilmu Kalam telah lahir dan menjadi satu disiplin ilmu yang didokong oleh *Mutakallimīn*. Terdapat dua laporan mengenai taraf dan peranan pinggiran faktor luaran ini. Pertama; “A.J. Wensinck, A.S. Tritton, W.M. Watt dan Mustafa ‘Abd al-Raziq menyatakan sesungguhnya perselisihan aspek akidah, perdebatan keagamaan berlaku disebabkan ajaran-ajaran Islam itu sendiri sebagai natijah daripada perkembangan politik, sosial umat Islam sendiri. Sesungguhnya perjalanan perkembangan akidah Islam berasal dari asas Islam sendiri ...”²⁵ Kedua, dilaporkan: “Goldzihar in 1910, Tritton in 1974, and Watt in 1948 take free will to have arisen from certain verses in the Koran itself, but, whereas Goldzihar

²³Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *al-Munqidh min al-Dalāl*, edit. ‘Abd al-Halim Mahmūd, ed. 2 (al-Qāhirah: Maktabah al-Injil al-Misriyyah, 1955), h. 90—92.

²⁴Sa‘ad al-Dīn Maṣ‘ūd ‘Umar al-Taftāzānī, *Sharh al-‘Aqā’id al-Nasafiyah fi Usūl al-Dīn wa ‘Ilm al-Kalām*, edit Klaud Salamah, (Dimishq: Wazarah al-Thaqāfah wa al-Irshād al-Qawmi, 1974), h. 4—5.

²⁵‘Arfān, *Dirāsāt*, h. 131.

and Tritton suggest that Christian influence hastened the development of this view in Islam, Watt denies any Christian influence.”²⁶

Daripada dua laporan ini dan kajian-kajian daripada pengkaji moden dan dokumen daripada al-Ghazzali dan al-Taftazani dapat dikatakan dan ditegaskan kelahiran Ilmu Kalam adalah berpunca dan bersebab daripada faktor dalaman bukan faktor luaran. Ilmu Kalam yang dihasilkan oleh *Mutakallimīn* sudah tentu tidak memulakan dengan metodologi asing daripada mereka. *Mutakallimīn* yang melahirkan Ilmu Kalam menggunakan metodologi tersendiri berdasarkan faktor dalaman yang melahirkan ilmu itu.

Aspek judul-judul perbincangan Ilmu Kalam juga dipersoalkan keterangan negatif daripada kumpulan majoriti orientalis sebelum ini. Kalau digunakan keterangan di dalam laporan kedua di atas jelas menunjukkan bahawa W.M. Watt menafikan adanya sebarang pengaruh Kristian terhadap judul Qada’ Qadar yang menjadi salah satu judul paling popular di kalangan *Mutakallimīn*.

“Di dalam sebuah karya yang diterbitkan pada tahun 1842, Schmolders menulis: ‘I find nothing precise on the origin of the Mutakallims. Moses Maimonides, who has of the a rather extended account, connects them with the first Christian philosophers, maintaining that it is from them that the Mutakallims borrowed their arguments against the philosophers. Shahrestani, however, a more competent judge, says nothing about it, and the fact becomes still more improbable when one examines the very works of the Mutakallims. We think on the contrary that there is no relation between them and the Christian apologists.’”²⁷ Terdapat laporan lain lagi yang membuat soalan kepada pandangan bahawa Kristian mempengaruhi *Mutakallimīn*:

“Mabilieu, in 1895, after quoting Maimonides’ statement as to the Christian influence on the Muslim Kalam, says: “The assertion is curious and it has nothing at the bottom but a resemblance,” but he admits that the Kalam may have borrowed from Christianity some arguments against philosophy.”²⁸

Daripada dua kajian yang dipetik di atas menjelaskan bahawa apabila dirujukkan kepada karya-karya awalan atau permulaan *Mutakallimīn* memustahilkan pandangan bahawa Kristian mempengaruhi *Mutakallimīn*

²⁶Wolfson, *The Philosophy*, h. 61.

²⁷Schmolders, *Essai* (1842), pp. 135—136, dipetik oleh Wolfson, *The Philosophy*, h. 59.

²⁸Mabilieu, *Histoire de la Philosophie atomistique* (1895), p. 325., dipetik oleh Wolfson, *The Philosophy*, h. 59.

dan ilmu Kalam mengikut Schmolders. Manakala mengikut Mabilleau pula hanya terdapat persamaan (resemblance) di antara Kristian dan apa yang didapati di kalangan *Mutakallimin* tetapi tidak menunjukkan persamaan pada dasar. Kalau sama pun pada jadul perbincangan tetapi masih akarnya berbeza. Kalau adapun pinjaman *Mutakallimin* daripada Kristian hanya beberapa argumen dalam menentang falsafah.

Persamaan judul-judul yang dibincangkan oleh *Mutakallimin* dengan judul-judul yang dibincangkan oleh Kristian tidak menunjukkan persamaan landasan, dasar, asas, dalil dan bukti. Katakan judul sifat-sifat ketuhanan sudah semestinya Kristian membicarakannya dari sudut dan dasar Triniti sedangkan *Mutakallimin* dari sudut dan dasar Tauhid.

Menyentuh mengenai pengaruh Yahudi terhadap judul-judul perbincangan *Mutakallimin* juga dapat ditemui keterangan yang mempersoalkan pandangan bahawa Yahudi mempengaruhi *Mutakallimin*. Sebaliknya menjelaskan bahawa Yahudi dipengaruhi oleh *Mutakallimin*. Di antaranya faktor masa di mana Yahudi membicarakan agamanya secara falsafah terkemudian daripada Kristian. Keterangannya: “....., the Jews who came under Muslim rule in the seventh century had no philosophic works corresponding to the philosophic writings of the Church Fathers possessed by the Christians who came under Muslim rule at the same time. Towards the end of ninth century, however, philosophic works in Arabic of a Jewish content began to appear among them and continued to flow, both in the East and in Spain, until the end of the twelfth century,.....”²⁹

Terdapat dua pengkaji yang menjelaskan bahawa Yahudi dipengaruhi oleh *Mutakallimin* aliran Muktazilah, iaitu Halevi dan Maimonides. Kumpulan ahli agama Yahudi yang bergelar Karaites dan Rabbanites *Mutakallimin* aliran Muktazilah di dalam tiga judul iaitu keesaan Tuhan, inkoporealiti Tuhan, dan kebebasan *iradah* manusia.³⁰

Daripada dua orang pengkaji itu didapati bukan agama Yahudi yang mempengaruhi *Mutakallimin* tetapi *Mutakallimin* yang mempengaruhi teologi Yahudi.

²⁹Wolfson, *The Philosophy*, h. 82.

³⁰Ibid., h.88. Petikannya: “According to both Halevi and Maimonides, then, there were among Jews those who followed the Kalam. Halevi, confining his discussion in that place to purely philosophic problems, mentions only the Karaites; Maimonides, dealing also with theological problems, mentions both Rabbanites and Karates, ... and characterizing them as belonging to the Mu:tazilite type of the Muslim Kalam, by which he means that they all maintain certain traditional Jewish views on the unity and incorporeality of God and on the freedom of the human will...”

Kalau dirujukkan kepada keterangan daripada al-Quran jelas bahawa kepercayaan Yahudi dan kepercayaan Kristian berbeza dan berlainan dengan kepercayaan Islam. Yahudi mempercayai ‘Uzayr anak Tuhan dan Kristian mempercayai Triniti.³¹ Bagaimana boleh saling pengaruh mempengaruhi kerana pertentangan yang dijelaskan itu. Kalau adapun hanyalah dari segi penggunaan metode falsafah di dalam mempertahankan kepercayaan masing-masing bila mereka saling berhujah. Tidak timbul masalah agama. Yahudi dan Kristian mempengaruhi agama Islam aspek akidah dan tidak mungkin malahan mustahil *Mutakallimīn* mengambil apa-apa kepercayaan daripada kedua-dua agama itu kerana Enam Rukun Iman sudah cukup buat orang-orang Islam percaya dan yakini iaitu kepercayaan kepada Allah, Rasul, Malaikat, Kitab, Hari Kiamat, dan Qada Qadar.

Kalau muh diterima kajian dua orientalis di atas maka ahli-ahli teologi Yahudi mempelajari daripada Muktazilah metode mempertahankan doktrin-doktrin agama Yahudi secara falsafah. Kalau tidak muh menerima pandangan daripada dua orang pengkaji itu maka al-Quran menjelaskan kelainan dan perbezaan akidah ketuhanan di antara Islam, Kristian dan Yahudi tidak sampai kepada natijah kedua-dua teologi itu aspek-aspek akidah mereka daripada ahli-ahli teologi Yahudi dan Kristian. Kerana itu *Mutakallimīn* mengambil judul-judul kajian mereka daripada al-Quran dan Sunnah sahaja. Persamaan tentang beberapa judul kajian di antara *Mutakallimīn* dengan beberapa judul di dalam teologi Kristian dan Yahudi tidak sampai kepada natijah kedua-dua teologi itu mempengaruhi *Mutakallimīn*. Dengan itu ternafi Kristian dan Yahudi mempengaruhi Ilmu Kalam dari sudut judul-judul kajian.

Di dalam membincangkan judul-judul asli daripada al-Quran dan Sunnah di dalam aspek-aspek akidah, *Mutakallimīn* sudah pasti menggunakan sepenuhnya cara atau metode kedua-dua sumber Islam itu di dalam menolak serangan lawan dan musuh dan menetapkan kebenaran dan kesahihan Akidah Islam.

Setakat ini telah dijelaskan bahawa sebab kelahiran Ilmu Kalam adalah sebab dalaman. Teologi Yahudi dan Kristian tidak mudah mempengaruhi Akidah Islam yang menjadi judul perbincangan *Mutakallimīn* kerana berlainan dan perbezaan di antara Akidah Islam dengan kepercayaan Yahudi dan Kristian. Sekarang difokaskan kepada persoalan lebih khusus iaitu sama ada metodologi Ilmu Kalām itu wujud dan asli kewujudannya dengan pengertian bukan tiruan dan cedokan daripada metodologi teologi

³¹Lihat keterangan al-Qurān, Surah al-Mā’idah, 5: 17; 72 dan 73 mengenai kepercayaan kafir kristian, dan mengenai kepercayaan Yahudi didapati dalam Surah al-Tawbah, 9:30.

atau falsafah lain. Secara tidak langsung telah terbukti bahawa *Mutakallimīn* menggunakan metodologi tersendiri kerana punca kelahiran Ilmu Kalam satu punca dalaman umat Islam yang di antaranya kajian terhadap al-Quran, Sunnah, dan suasana politik dan sosial umat Islam. Aspek judul-judul kajianya pula telah sabit daripada dua sumber Islam juga iaitu al-Quran dan Sunnah. Takkanlah *Mutakallimīn* mengambil judul-judul Akidah Islam daripada al-Quran dan Sunnah dan melupakan metode-metode yang digunakan oleh kedua-dua sumber itu di dalam menjelaskan dan menerangkan Akidah Islam kepada manusia.

Fokas sekarang ke arah meneliti beberapa keterangan yang ada hubungan langsung dengan metodologi Ilmu Kalam. Di dalam usaha ini kita bertemu dengan beberapa keterangan. Ibn Khaldun ada menerangkan bahawa kumpulan Salaf menggunakan cara atau metode *literal* terhadap ayat-ayat Quran *mutashabihah* tanpa takwil dan tanpa tafsir. Kemudian timbul pula metode *tanaqqud* dan *nafy-ithbat*. Kemudian pula menggunakan hipotesis-hipotesis yang berdasarkan *al-Adillah* dan *al-Anzar* seperti di dalam mengisbatkan jauhar tunggal, ruang, dan sifat tidak boleh sama sifat yang dimulai oleh al-Baqillani. Metode *Mutakallimīn* akhirnya menggunakan metode falsafah untuk menentang ahli-ahli falsafah yang menentang Akidah Islam seperti yang digunakan oleh al-Ghazzali dan Ibn al-Khatib dan tokoh-tokoh *Mutakallimīn* selepas mereka.³²

Mengikut keterangan Ibn Khaldun itu bahawa *Mutakallimīn* awalan iaitu terdahulu daripada al-Baqillani tidak bertemu dengan logika falsafah. Apa yang mereka gunakan adalah metode asli mereka sendiri. Hanya bermula pada zaman al-Baqillani, al-Juwaini, Imam al-Ghazzali dan Imam al-Khatib telah mula berkenalan dan menggunakan metode logik falsafah untuk menentang ahli falsafah yang menolak dan memusuhi Akidah Islam.

Mengikut al-Nashshar bahawa pandangan *Mutakallimīn* awalan mempertahankan Islam menggunakan logik Aristo di dalam perdebatan teologinya adalah satu pandangan yang fasik sepenuhnya berdasarkan hujah-hujah berikut: (1) Muktazilah memulakan perdebatan dengan Kristian yang menggunakan metode mudah dan ada yang menggunakan asas logik Yunani iaitu logik Aristotales. (2) Tiada kedapatannya buku-buku Muktazilah kepada pengkaji-pengkaji yang membolehkan mereka sampai kepada natijah bahawa Muktazilah menggunakan metode falsafah Greek. (3) Kedapatannya kitab-kitab *Mutakallimīn* kurun kelima Hijrah lantas disamakan sahaja dengan karya-karya *Mutakallimīn* sebelum abad itu. Karya-karya *Mutakallimīn* abad kelima Hijrah ada menggunakan logik

³² Abd al-Rahmān ibn Khaldūn, *Muqaddimah* (Misr: Mat. al-Bahiyyah al-Miṣriyyah, n.d.), h. 404—407.

Aristotales. Sedangkan karya-karya *Mutakallimīn* sebelum abad 5H. sama ada hilang atau tidak diterbitkan. *Mutakallimīn* aliran Muktazilah, Ash'ariyyah, Syi'ah dan Karamiyyah menyerang pandangan bahawa *Mutakallimīn* abad pertama hingga ke abad kelima Hijrah menerima logik Aristotales.³³

Mengikut Ash'ari dalil-dalil Ilmu Kalam diambil dari al-Quran, umpannya dalil gerak dan diam, aggregasi dan segregasi, *tamānu* dan *tagħalub*, *mithāl* dan *diddayn*; setelah usul-usul kajiannya diambil dari al-Quran dan Sunnah.³⁴

Kesimpulan

Dengan penjelasan aspek punca kelahiran, judul-judul dan metodologi Ilmu Kalam maka dapat dikira sudah menjetaskan secara ringkas problem kewujudan dan keaslian metodologi Ilmu Kalam. Melalui pembentangan pandangan-pandangan negatif terhadap ketiga-tiga aspek itu daripada majoriti orientalis mendedahkan bahawa pandangan mereka masih ada sanggahan dan objeksi sama ada dari orientalis lain atau daripada pengkaji-pengkaji Muslim sendiri.

Ilmu Kalam yang dilahirkan oleh faktor dalaman, membahaskan Akidah Islam iaitu Rukun Imam yang terkandung di dalam al-Quran dan Sunnah sudah tentu pula menggunakan metode kedua-dua sumber itu. Kalaupun ada beberapa pengaruh logik falsafah maka kemasukannya bukan pada permulaan *Mutakallimīn* tetapi pada kurun ke-5H. bertujuan mempertahankan Akidah Islam daripada serangan ahli-ahli falsafah *mulhid* dan kufur terhadap Islam. *Mutakallimīn* awalan bertungkus lumus menumpaskan ahli-ahli bidaah yang tidak menggunakan metode logik falsafah. Mereka gunakan cara takwilan dan tafsiran terhadap nas-nas al-Quran dan Sunnah untuk menegakkan hujah mereka.

Metodologi Ilmu Kalam wujud dalam bentuk asli tanpa pengaruh luaran sebelum pertembungan dengan teologi-teologi daripada agama-agama bukan Islam dan falsafah bangsa-bangsa bukan Arab. Untuk mengatakan Ilmu Kalam sejak dari bertunas atau menetas sudah menggunakan metode asing adalah tidak terbukti dan tidak dapat dibuktikan bila dirujukkan kepada karya-karya *Mutakallimīn* awalan. Malahan kalau diterima tarikh lahir Ilmu Kalam pada abad pertama akhir dan awal kedua Hijrah maka ia terus berkembang tanpa dipengaruhi oleh metode falsafah Greek sehingga abad ke-5H.

³³ Ali Samiyy al-Nashshār, *Mañāhij al-Baḥth ‘ind Muṣakkir al-Islām wa Iktishāf al-Manhaj al-‘Ilmi fī al-‘Ālam al-Islāmi* (Misr: Dār al-Ma‘ārif, 1965), h. 79—80.

³⁴ Abū al-Hasan ‘Alī ibn Ismā‘il al-Ash‘arī, *Risālah fī al-Istihṣān ‘an al-Khaqd fī Ḥilm al-Ķalām*, edit. R.J. Mc Carthy (India: Dā’irah al-Ma‘ārif al-Niżāmiyyah, 134H.), h. 88—93.